

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN PERADUAN MENULIS RENCANA MENGENAI KEBAJIKAN  
Lokasi : PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 18-05-1990

Assalamualaikum dan selamat sejahtera.

Yang Berhormat Dato Mustaffa bin Mohammad, Menteri Kebajikan Masyarakat; Yang Berbahagia Dato Abu Bakar bin Hj. Mohd.

Said, Ketua Setiausaha Kementerian Kebajikan Masyarakat; Dif-Dif Kehormat; Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian, Saya berasa gembira kerana dapat hadir bersama-sama para hadirin sekalian di Majlis ini.

2. Saya telah dijemput untuk merasmikan dua acara pada pagi ini iaitu melancarkan Peraduan Menulis Rencana dan seterusnya melancarkan Buku Antologi Sajak dan Cerpen bertajuk 'Jambatan Pulau Pinang', karya Yang Berbahagia Datuk Syed Zainal Abidin, bekas Ketua Setiausaha Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Peraduan Menulis Rencana mengenai isu-isu kebajikan masyarakat adalah salah satu daripada beberapa program yang telah dirancangan di bawah Gerakan Keluarga Bahagia yang telah dilancarkan dengan rasminya oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada 4hb. Mac, 1990 yang lalu.

4. Sebagaimana yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, Gerakan Keluarga Bahagia ialah satu kempen pendidikan awam. Tujuannya ialah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat kita tentang betapa pentingnya ikatan kekeluargaan dan peranan keluarga dalam menentukan perkembangan anak-anak serta menjamin kestabilan sosial negara kita.

5. Saya difahamkan bahawa rancangan untuk mengadakan Peraduan Penulisan Rencana ini ialah satu idea dan dayausaha Yang Berhormat Dato Mustaffa bin Mohammad, Menteri Kebajikan Masyarakat. Beliau berpendapat bahawa pada masa ini tidak ada banyak penulisan tentang isu-isu kebajikan dan oleh yang demikian tidak cukup bahan-bahan bacaan dan rujukan bagi orang ramai yang berminat untuk memahami tentang perkara ini dengan lebih mendalam. Peraduan Penulisan Rencana merupakan satu langkah untuk mengatasi masalah ini oleh kerana rencana-rencana yang menang akan disiarkan dalam akhbar yang berkenaan.

6. Saya berpendapat bahawa usaha untuk menambahkan penulisan atas perkara-perkara berkaitan dengan kebajikan masyarakat akan lebih berkesan jika Peraduan Menulis Rencana diadakan secara berterusan dan diperluaskan untuk merangkumi akhbar-akhbar lain. Bagi...tujuan/- tujuan ini saya ingin mencadangkan bahawa peraduan ini elok diadakan jika boleh dua kali setahun, meliputi berbagai-bagai tajuk dan isu kebajikan. Saya juga ingin mencadangkan supaya peraduan ini diperluaskan supaya diadakan juga dalam akhbar- akhbar Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil pada masa hadapan.

7. Dalam hubungan ini, tujuan Peraduan Menulis Rencana pertama yang akan dilancarkan dalam Majlis pada pagi ini adalah dianjurkan bersama oleh Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kebajikan Masyarakat, Yayasan Kebajikan Negara dan Berita Harian.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

8. Saya ingin mengambil kesempatan untuk merayu kepada orang ramai termasuk para cendekiawan, penulis, penuntut dan semua lapisan masyarakat untuk turut serta mengambil bahagian dalam Peraduan Menulis Rencana Mengenai Kebajikan ini.

9. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato Mustaffa bin Mohammad dan semua pihak penganjur yang telah merancang peraduan ini dan saya harap ianya akan mendapat sambutan yang baik daripada orang ramai.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

10. Saya juga ingin mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berbahagia Datuk Syed Zainal Abidin Jamalullail, bekas Ketua Setiausaha Kementerian Kebajikan Masyarakat, kerana telah berjaya menghasilkan sebuah Antologi Sajak dan Cerpen bertajuk "Jambatan Pulau Pinang" yang sudah pasti akan menjadi satu tandamata dan kenangan abadi bagi kita semua. Saya rasa inilah julung-julung kalinya seorang Ketua Setiausaha yang telah bersara daripada perkhidmatan Kerajaan pernah mengambil inisiatif untuk menulis sebuah buku seumpama ini.

11. Saya harap usaha seumpama ini dapat dicontohi dan diteladani oleh pegawai-pegawai Kanan Kerajaan yang lain sebelum mereka bersara. Dengan adanya buku seumpama ini dapatlah kita sedikit sebanyak diperkenalkan dan mengetahui pengalaman-pengalaman yang ditempuh oleh pengarang sewaktu beliau berkhidmat dengan Kerajaan. Saya difahamkan bahawa tajuk buku ini telah diberi nama "Jambatan Pulau Pinang" oleh kerana memandangkan bahawa Datuk Syed Zainal Abidin telah berkhidmat agak lama juga di negeri Pulau Pinang sebagai Pegawai Daerah Balik Pulau dan kemudiannya sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri dan oleh itu pengalamannya di sana adalah amat luas dan mendalam.

12. Sungguhpun beliau sibuk dengan tugas-tugas hariannya di Kementerian Kebajikan Masyarakat tetapi beliau telah dapat juga meluangkan masa untuk mencipta sajak-sajak dan cerpen selain daripada makalah-makalah yang ada kaitannya dengan tanggungjawab Kementerian Kebajikan Masyarakat. Sebagai seorang yang telah banyak menabur jasabakti dengan memberikan pandangan, pendapat, kritik dan tindakan yang positif ke arah meningkatkan produktiviti dan kualiti serta pimpinan, maka sudah sewajarnya usaha beliau itu patut disanjung tinggi. Saya percaya Datuk Syed Zainal Abidin sewaktu persaraannya akan cuba mengeluarkan lagi hasil-hasil ciptaannya supaya bahan bacaan dalam lapangan pengurusan dan pentadbiran khususnya, akan bertambah dan ini akan memperkayakan perbendaharaan perpustakaan dalam negara kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

13. Dengan kata-kata itu saya dengan sukacitanya merasmikan Pelancaran Menulis Rencana anjuran bersama Kementerian Kebajikan Masyarakat, Jabatan Perdana Menteri, Yayasan Kebajikan Negara dan Berita Harian dan melancarkan Buku Antologi Sajak dan Cerpen ciptaan Datuk Syed Zainal Abidin Jamalullail yang bertajuk "Jambatan Pulau Pinang".

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.